

HELAIAN MAKLUMAN PRODUK

Sila baca Helaian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Amanah Saham Bumiputera (ASB). Pastikan anda juga membaca terma dan syarat yang tertera di dalam surat tawaran. Sila dapatkan penerangan sekiranya anda inginkan penjelasan keatas maklumat yang terdapat di dokumen ini atau mengenai sebarang terma.

PEMBIAYAAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)
TARIKH: _____

1. Apakah produk ini?

ia adalah suatu kemudahan pembiayaan berjangka untuk melabur di dalam unit-unit Amanah Saham Bumiputera (ASB)


2. Apakah yang dapat saya perolehi dari produk ini?

No.	Perkara	Penerangan															
i.	Jumlah Pembiayaan	<p>Minimum: RM10,000.00</p> <p>Maksimum: Sehingga RM200,000.00 bagi setiap pelanggan pada satu masa (termasuk Pembiayaan ASB sedia ada, jika ada) atau sehingga jumlah pelaburan maksimum yang dibenarkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), yang mana lebih rendah.</p> <p>Jumlah pembiayaan yang diluluskan adalah berdasarkan kepada penilaian kredit oleh pihak Bank.</p>															
ii.	Kadar Faedah	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Jumlah Pembiayaan Bawah RM30,000</th> <th>Termasuk PRTA</th> <th>Tanpa PRTA</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tempoh Pembiayaan: Sehingga 35 tahun</td> <td>KAS + 1.75% setahun (Kadar Efektif : 4.75%)</td> <td>KAS + 1.85% setahun (Kadar Efektif : 4.85%)</td> </tr> <tr> <th>Jumlah Pembiayaan RM30,000 dan ke atas</th> <th>Termasuk PRTA</th> <th>Tanpa PRTA</th> </tr> <tr> <td>Tempoh Pembiayaan: 5 hingga 20 tahun</td> <td>KAS + 1.45% setahun (Kadar Efektif : 4.45%)</td> <td>KAS + 1.55% setahun (Kadar Efektif : 4.55%)</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Pembiayaan: 21 hingga 35 tahun</td> <td>KAS + 1.50% setahun (Kadar Efektif : 4.50%)</td> <td>KAS + 1.60% setahun (Kadar Efektif : 4.60%)</td> </tr> </tbody> </table> <p>Kadar Asas Standard (KAS) semasa adalah 3.00% berkuatkuasa 8 Mei 2023</p>	Jumlah Pembiayaan Bawah RM30,000	Termasuk PRTA	Tanpa PRTA	Tempoh Pembiayaan: Sehingga 35 tahun	KAS + 1.75% setahun (Kadar Efektif : 4.75%)	KAS + 1.85% setahun (Kadar Efektif : 4.85%)	Jumlah Pembiayaan RM30,000 dan ke atas	Termasuk PRTA	Tanpa PRTA	Tempoh Pembiayaan: 5 hingga 20 tahun	KAS + 1.45% setahun (Kadar Efektif : 4.45%)	KAS + 1.55% setahun (Kadar Efektif : 4.55%)	Tempoh Pembiayaan: 21 hingga 35 tahun	KAS + 1.50% setahun (Kadar Efektif : 4.50%)	KAS + 1.60% setahun (Kadar Efektif : 4.60%)
Jumlah Pembiayaan Bawah RM30,000	Termasuk PRTA	Tanpa PRTA															
Tempoh Pembiayaan: Sehingga 35 tahun	KAS + 1.75% setahun (Kadar Efektif : 4.75%)	KAS + 1.85% setahun (Kadar Efektif : 4.85%)															
Jumlah Pembiayaan RM30,000 dan ke atas	Termasuk PRTA	Tanpa PRTA															
Tempoh Pembiayaan: 5 hingga 20 tahun	KAS + 1.45% setahun (Kadar Efektif : 4.45%)	KAS + 1.55% setahun (Kadar Efektif : 4.55%)															
Tempoh Pembiayaan: 21 hingga 35 tahun	KAS + 1.50% setahun (Kadar Efektif : 4.50%)	KAS + 1.60% setahun (Kadar Efektif : 4.60%)															
iii.	Margin Pembiayaan	<p>100% ke atas nilai nominal unit ASB</p> <p>105% (jika termasuk Perlindungan Peribadi Pengurangan Berjangka (PRTA))</p>															
iv.	Tempoh Pembiayaan	<p>Sehingga 35 tahun atau menjangkau umur 70 tahun, yang mana lebih awal.</p> <p>Nota: Tempoh pembiayaan adalah berdasarkan kepada umur pemohon.</p>															

3. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?

KAS ialah kadar rujukan biasa untuk bank perdagangan berkuat kuasa 1 Ogos 2022 dalam penetapan harga pembiayaan runcit baharu yang ditambah pada kadar asas, pembiayaan semula pembiayaan runcit sedia ada dan pembaharuan pembiayaan runcit pusingan mulai 1 Ogos 2022. KAS disandarkan kepada Kadar Dasar Semalaman (KDS) (iaitu $KAS = KDS$) dan semua Kadar Pinjaman Asas (KPA) dan Kadar Asas (KA) sedia ada secara bergilir-gilir ditambah kepada KAS. Dengan kata lain, KAS, KA dan KPA akan diselaraskan seiring dengan perubahan dalam KDS seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (JDM) Bank Negara Malaysia.

4. Sejarah penanda aras Kadar Asas Standard (KAS) untuk 3 tahun yang lalu



Nota: Garis putus-putus menunjukkan sejarah KDS, iaitu kadar penanda aras KAS

5. Apakah tanggungjawab saya?

Anda hendaklah memastikan bayaran ansuran bulanan dibayar pada 1hb setiap bulan.

- Ansuran bulanan anda ialah RM132
- Jumlah bayaran pada akhir 30 tahun adalah RM47,520

Penting: Perubahan di dalam KAS mungkin mengakibatkan penambahan ke atas bayaran ansuran bulanan atau tempoh pembayaran dipanjangkan sebagaimana yang diluluskan oleh pihak Bank.

Kadar	Kadar Keuntungan Semasa	Sekiranya kadar keuntungan meningkat 1%	Sekiranya kadar keuntungan meningkat 2%
Ansuran bulanan (purata)	RM132	RM148	RM164
Jumlah kos faedah sehingga tahun ke 30	RM22,520	RM28,280	RM34,040
Jumlah bayaran keseluruhan sehingga tahun ke 30	RM47,520	RM53,280	RM59,040

Nota: Pengiraan di atas adalah berdasarkan andaian berikut. Ianya tertakluk kepada perubahan keatas terma dan syarat.

- Amaun Pembiayaan : RM25,000.00
- Kadar Keuntungan : 4.85%
- Tempoh pembiayaan : 30 tahun

6. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

No.	Perkara	Yuran/Caj
i.	Duti Setem	Seperti yang tertera di dalam Akta Setem 1949 (pindaan 1989)
ii.	Fi Langganan ASNB	RM50.00 setiap Sijil

Nota : Yuran/caj akan dibayar kepada pihak ASNB dan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

7. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Caj Pembayaran Lewat	Caj bayaran lewat sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas jumlah tertunggak dari tarikh keingkar (tertakluk kepada tempoh 7 hari) sehingga tarikh penerimaan pembayaran oleh Bank.
Kadar Kemungkinan	Sekiranya berlaku kegagalan (tidak membayar) tiga (3) bulan pembayaran faedah semasa pembayaran ansuran bulanan, kami berhak untuk menukar Kadar yang Ditetapkan kepada KAS + 6.15% setahun yang dikira dari jumlah tertunggak dari semasa ke semasa dengan memberi notis. Kadar faedah untuk Kemudahan akan kembali ke Kadar yang Ditetapkan setelah anda menyelesaikan sepenuhnya semua pembayaran tertunggak di bawah fasiliti ini.
Hak Penjualan	Kami berhak menjual Sijil Unit ASB jika berlaku kejadian Mungkir (tunggakan bayaran ansuran untuk 2 bulan atau lebih) dan tindakan undang - undang boleh diambil terhadap anda jika masih terdapat sebarang kekurangan bayaran selepas penjualan sijil ASB.
Hak Penolakan	Kami mempunyai hak untuk mendebit sebarang baki kredit dalam akaun anda dengan pihak Bank terhadap apa-apa baki tertunggak dalam akaun pembiayaan ini.
Tindakan Undang-Undang	<p>1. Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda dalam keadaan berikut :</p> <p style="margin-left: 40px;">a) Akumulasi jumlah kekurangan defisit bayaran bulanan (jika ada).</p> <p style="margin-left: 40px;">b) Kegagalan memberi respon kepada notis peringatan.</p> <p>2. Tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap anda akan menjejaskan penilaian kredit yang akan menyukarkan atau membebankan anda pada masa hadapan.</p> <p>3. Anda akan dimaklumkan terlebih dahulu untuk apa-apa tindakan undang-undang yang bakal diambil oleh pihak kami.</p>

8. Bagaimana sekiranya saya membuat penyelesaian sepenuhnya ke atas pembiayaan ini sebelum tarikh tamat tempoh?

Tiada penalti dikenakan sekiranya anda menjelaskan seluruh pembiayaan sebelum tamat tempoh.

9. Adakah saya memerlukan perlindungan insuran?

- Polisi Insuran adalah digalakan diambil untuk melindungi baki pembiayaan. Insuran boleh diambil daripada panel syarikat insuran kami atau syarikat insuran yang diluluskan oleh pihak Bank.

Nota : Panel pengendali insuran Bank hanya menyediakan perlindungan maksima sehingga 35 tahun atau ulang tahun polisi/sijil sebelum hari lahir ke-65 anda, yang mana lebih awal. Bagi tempoh pembiayaan melebihi tempoh perlindungan/umur maksima, perlindungan PRTA tersebut tidak akan memadai dan tidak akan memberikan perlindungan untuk baki tempoh pembiayaan.

10. Bolehkah saya membuat permohonan bersama untuk pembiayaan ASB?

Ya, anda boleh membuat permohonan bersama untuk pembiayaan ASB tertakluk kepada terma dan syarat.

- Warganegara Malaysia dan Bumiputera
- Pemohon kedua mestilah ahli keluarga terdekat iaitu suami atau isteri, ibu bapa, anak atau adik-beradik.
- Berumur 18 tahun dan ke atas atau tidak melebihi umur 70 tahun.
- Penjamin mestilah mempunyai rekod pembayaran balik pinjaman yang memuaskan di institusi kewangan.
- Tidak muflis.

11. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Unit pelaburan ASB melalui pembiayaan ini akan digunakan sebagai cagaran..

Penjamin adalah tidak diwajibkan, dan ia akan berdasarkan kepada keupayaan pembayaran balik dan lain-lain pertimbangan kredit.

- Warganegara Malaysia
- Satu (1) penjamin sahaja. Ia mestilah ahli keluarga terdekat iaitu suami atau isteri, ibu bapa, anak atau adik-beradik yang boleh membuat bayaran balik pembiayaan.
- Berumur 18 tahun dan ke atas atau tidak melebihi umur 70 tahun.
- Penjamin mestilah mempunyai rekod pembayaran balik pinjaman yang memuaskan di institusi kewangan.
- Tidak muflis.
- Nisbah khidmat hutang sehingga 75%.

12. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi mana-mana cawangan Maybank yang berdekatan.

13. Berapakah jumlah sijil unit yang saya boleh beli pada setiap permohonan Pembiayaan ASB?

Jumlah belian sijil yang dibenarkan adalah mengikut jumlah unit seperti berikut :

JUMLAH UNIT	JUMLAH SIJIL YANG DIBENARKAN
<50,000	2 SIJIL
Jumlah Sijil	Nilai Sijil (Contoh)
2	Sijil Pertama : RM19,000
	Sijil Kedua : RM30,000
JUMLAH NILAI SIJIL	RM49,000

JUMLAH UNIT	JUMLAH SIJIL YANG DIBENARKAN
50,000 - 100,000	3 SIJIL
Jumlah Sijil	Nilai Sijil (Contoh)
3	Sijil Pertama : RM25,000
	Sijil Kedua : RM25,000
	Sijil Ketiga : RM50,000
JUMLAH NILAI SIJIL	RM100,000

JUMLAH UNIT	JUMLAH SIJIL YANG DIBENARKAN
> 100,000	4 SIJIL
Jumlah Sijil	Nilai Sijil (Contoh)
4	Sijil Pertama : RM25,000
	Sijil Kedua : RM25,000
	Sijil Ketiga : RM50,000
	Sijil Keempat : RM50,000
JUMLAH NILAI SIJIL	RM200,000

Nota : Yuran sijil adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh ASNB

14. Apakah faedah yang saya perolehi jika saya membuat pembelian lebih dari 1 sijil unit

Ia adalah bertujuan untuk memudahkan anda menebus sijil yang telah berbayar untuk kegunaan peribadi, tertakluk kepada terma dan syarat.

15. Bagaimana jika saya ingin mengeluarkan jumlah yang telah saya bayar dari akaun pembiayaan sedia ada?

Anda boleh mengeluarkan jumlah yang telah dibayar melalui pakej penebusan separa, tertakluk kepada terma dan syarat.

16. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan maklumat lanjut?

- i. Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran ansuran bulanan, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan alternatif bayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di:

Cawangan : _____

Alamat : _____

Tel/Faks : _____ Emel : _____

Atau anda boleh mengunjungi cawangan Maybank yang terdekat.

- ii. Sebagai pilihan, anda juga boleh mendapatkan nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Untuk membuat pertanyaan, sila hubungi :

Tingkat 5 dan 6,
Menara Aras Raya,
Jalan Raja Laut, 50350, Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766
E-mel: enquiry@akpk.org.my

- iii. Jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Maybank
Khidmat Pengurusan Maklum Balas Pelanggan
Tingkat 28, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel: 03-20748075
Emel: cfm@maybank.com

iv. Jika pertanyaan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di :

Blok D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Tel:1-300-88-5465

Fax:03-2174 1515

Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

NOTA PENTING: PIHAK BANK BERHAK UNTUK MENJUAL BALIK SIJIL ASB TUAN/PUAN YANG DICAGARKAN KEPADA PIHAK BANK SEKIRANYA PIHAK BANK MENDAPATI AKAUN PINJAMAN TUAN/PUAN TIDAK DIKEMASKINI ATAU TERDAPAT TUNGGAKAN SEBANYAK 2 BULAN ATAU LEBIH DAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP TUAN/PUAN UNTUK KEKURANGAN BAYARAN (JIKA ADA).

Maklumat yang disediakan di dalam helaian ini sah dari Februari 2025

Pengakuan Pelanggan

Saya mengaku telah membaca dan memahami kandungan Helaian Makluman Produk ini.

Pelanggan :

Tandatangan:

Nama:

No KP: